

Dana khas permudah NGO bantu jayakan dasar kerajaan

Tan Sri Lee Lam Thye,
Pemegang
Amanah Yayasan
Perpaduan
Malaysia

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bertujuan mengembalikan pertumbuhan ekonomi sambil membangunkan masyarakat inklusif dan seimbang berteraskan konsep Keluarga Malaysia. Pada kesempatan ini, saya ingin mencadangkan pemupukan lebih mendalam dalam beberapa aspek penting.

Ketika semakin ramai dihimpit kemiskinan akibat pandemik, penjagaan kebajikan rakyat perlu diutamakan khususnya bagaimana memulihkan ekonomi dan mencipta peluang menjana pendapatan.

Kita faham kerajaan sentiasa membantu golongan B40 dan orang kurang upaya (OKU) melalui pemberian eluan bulanan.

Dalam RMK-12, kerajaan diharap mengkaji semula kadar pemberian pelbagai jenis bantuan berkenaan.

Unjuran ekonomi dan kadar inflasi mungkin menjadi faktor menentukan jumlah bantuan perlu dinaikkan. Bantuan am bulanan mesti bermakna dan mencukupi untuk menyara kos hidup.

Selain itu, sistem kesihatan perlu diperkuuh dan segala kemudahan serta infrastruktur ditambah bukan setakat di bandar besar, bahkan luar bandar dan pedalaman.

Pada masa sama, perpaduan dan integrasi tidak boleh dilupakan dalam menjayakan segala RMK-12. Usaha itu boleh ditumpukan melalui Kementerian Perpaduan dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk memperkasakan perpaduan nasional dan mengangkat kembali Rukun Negara sebagai tulang belakang pemerksaanannya.

Dalam konteks komunikasi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia perlu dilengkapkan dengan

sumber diperlukan untuk mengatasi berita palsu dan negatif seperti menubuhkan Pasukan Tindak Balas Pantas.

Harus diakui kerajaan berusaha untuk memenuhi keperluan masyarakat, tetapi ia menghadapi pelbagai kekangan. Di sinilah NGO berperanan sebagai penghubung dan memberikan perkhidmatan penting untuk melengkapkan usaha kerajaan.

Sebilangan besar memberi perkhidmatan beberapa dekad dan dibantu sokongan kewangan terhad serta moral masyarakat.

kerja baik ini lebih berkesan melalui sumbangan kewangan kerajaan. Banyak NGO berusaha keras menyokong kerajaan mencapai dasar dibuat, tetapi kekangan kewangan menyukarkan mereka. Justeru, peruntukan khas untuk NGO ialah insentif boleh diperkenalkan kerajaan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membantu, tetapi masih banyak perlu dilakukan. Lebih bermanfaat sekiranya Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memperuntukan lebih banyak dana.

Selain itu, antara projek terbaik di bawah RMK-12 adalah usaha konkrit untuk melindungi penunggang dan pembonceng motosikal daripada kemalangan jalan raya. Motosikal menjadi pengangkutan nombor satu di negara ini dengan sekurang-kurangnya 12 juta didaftarkan dan ia pengangkutan utama B40.

Sejak dua tahun kebelakangan ini, perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal semakin popular lebih-lebih lagi pandemik COVID-19 menyebabkan ramai bergantung kepada dirinya, tetapi pada masa sama lebih ramai pula menemui ajal di jalan raya.

Sebahagian besar terkorban dalam kemalangan jalan raya adalah dalam kalangan belia. Motosikal seolah-olah 'pembunuhan' terbesar kepada golongan itu.

Ini kerugian besar dari segi sumber manusia masa depan negara yang sudah masuki era golongan warga emas yang semakin meningkat, selain dari aspek sosioekonomi jika ditakrifkan setiap kehilangan nyawa dari segi kewangan.

Kadar kematian tinggi ini boleh dicegah sekiranya kerajaan memperuntukkan belanjawan untuk membina lorong khas, terutama di kawasan sesak.

Peruntukan itu tidak membebankan kerajaan kebanyak lebuh raya dan jalan raya memang sudah mempunyai ruang boleh dihaskaskan untuk motosikal. Hanya diperlukan, penghadang supaya penunggang tidak terdedah risiko dengan kenderaan berat. Laluan motosikal di Lebuh Raya Persekutuan dari Petaling Jaya ke Klang boleh dijadikan contoh.

Laluan motosikal khas di Lebuh Raya Persekutuan adalah projek terbaik pernah dilaksanakan kerana purata hanya dua kematian dicatatkan di laluan berkenaan setahun berbanding ribuan di kawasan tanpa lorong berkenaan.

Model ini mungkin agar sukar dilaksanakan di merata tempat, tetapi pihak berwajib disyorkan mengadakan lawatan sambil belajar ke bandar raya di China seperti Guangzhou yang menyediakan lorong khas ini.

Jika negara melabur untuk projek disyorkan ini, diyakini pulangan atau penjimatan dari segi mencegah dan mengurangkan kadar kematian akan berlipat ganda.